

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	4/10/2019	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	JPP		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Loji kumbahan berpusat di 3 negeri

Projek bernilai RM2b bilion bakal dibina dibangun di Kelantan, Pahang, Johor dalam RMKe-12

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

Kajang: Kerajaan bercadang membangunkan beberapa projek loji rawatan kumbahan berpusat baharu bernilai mega bernilai kira-kira RM2 bilion di seluruh negara bagi tempoh 2021 hingga 2025 menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, kementerianya sudah mengenal pasti beberapa lokasi di Kelantan, Pahang dan Johor yang

sesuai dijadikan tapak projek berkenaan.

Beliau berkata, kos pembinaan semua projek berkenaan akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan, dan operasinya pula akan diturunkan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"Kita masih belum memuktamadkan kos sebenar bagi pembinaan loji ini, dan sistem saliran di setiap negeri berkenaan, namun saya rasa anggaran kira-kira RM2 bilion.

"Bagaimanapun, loji rawatan kumbahan berpusat berkenaan tidak sebesar seperti ini (merujuk Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat yang menampung sehingga 920,000 penduduk setara/PE) kerana penduduk di sana hanya sekitar 250,000 hingga 350,000 PE sahaja," katanya ketika ditemui selepas meninjau hari pertama operasi Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat, semalam.

Xavier berkata, beliau gembira Projek Loji Rawatan Kumbahan

Berpusat Langat yang menelan kos RM1.5 bilion menerusi RMK10 dan RMK11 sudah mula beroperasi dengan jangkaan mampu meningkatkan mutu perkhidmatan pembetungan bagi kawasan tadahan seluas 77 kilometer persegi merangkumi Cheras Jaya, Cheras Batu II, Kajang I dan Kajang 3.

Beliau berkata, pembinaan loji di kawasan seluas 7.3 hektar itu berupaya memproses air kumbahan sehingga tiga kali ganda menggunakan teknologi *carbon footprint* menerusi pemindahan kepakaran dari Jepun iaitu *deep aeration Method* berganding dengan *step-feed multi stage denitrification*.

Katanya, penggunaan teknologi baharu berkenaan mampu meningkatkan tahap penyingkitan ammonia dan nitrogen sehingga mencecah 80 peratus mengikut Piawarian A Kategori had para meter efluen dalam peraturan Kualiti Alam Sekitar Sekeliling (Kumuhan) 2009 dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.



Xavier melawat Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat, semalam. (Foto BERNAMA)

"Ini bermakna semua air kumbahan dilepaskan ke Sungai Langat akan menjadi lebih bersih dan bebas pencemaran, sekali gus mengelak masalah gangguan bekalan air kepada penduduk di kawasan Hulu Langat.

"Projek ini mampu menampung keperluan rawatan kumbahan sehingga mencecah 920,000 PE atau bersamaan dengan 207 mega liter/sehari (MLD) bagi tem-

poh 20 hingga 30 tahun akan datang," katanya yang memaklumkan operasi loji berkenaan akan diserahkan kepada IWK menjelang akhir 2023.

Katanya, kejayaan berkenaan juga membolehkan IWK menutup 232 loji rawatan kumbahan kecil sedia ada di kawasan Cheras-Kajang yang kini sudah uzur, kurang berkesan dan sering menghadapi pelbagai masalah.